



18 JUL, 2025

Pelombong bitcoin haram makin rancak



Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Harian Metro RASAI BERITA SEBENAR

FOTO WAN NABIL NASIR

NEGARA RUGI AKIBAT KECURIAN ELEKTRIK

RM4.8 BILION HANGUS DEK BITCOIN

Negara kerugian kira-kira RM4.8 bilion sejak 2018 akibat kecurian elektrik oleh sindiket perlombongan bitcoin haram. Angka kerugian turut menunjukkan peningkatan saban tahun sejajar lonjakan nilai bitcoin di pasaran yang kini mencecah RM500,000 seunit.

Lapor Noorazura Abdul Rahman

MS2

The image shows a complex setup of mining equipment, likely a custom-built rig or a modified server setup, used for Bitcoin mining. The rig is densely packed with hardware, including multiple GPU cards and power supplies, all connected by a tangle of wires. A computer monitor displays mining software with various graphs and data. The background shows more of the industrial setting where the rig is located.




18 JUL, 2025

Pelombong bitcoin haram makin rancak



Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2



ANTARA premis perlombongan bitcoin haram di sekitar Alor Setar yang diserbu pihak berkuasa, semalam.

Pelombong bitcoin haram makin rancak

Negara rugi RM4.8 bilion sejak 2018 akibat kecurian elektrik

Oleh Noorazura
Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Negara mengalami kerugian mencecah RM4.8 bilion sejak 2018 akibat kecurian elektrik oleh sindiket perlombongan bitcoin haram yang semakin berani dan berleluasa.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata, statistik menunjukkan kerugian itu semakin meningkat sejajar dengan lonjakan nilai bitcoin di pasaran.

Katanya, kegiatan itu

mula menurun sedikit sekitar 2022 hingga 2023 namun berlaku lonjakan semula pada 2024 dan dijangka akan terus meningkat pada 2025.

"Harga bitcoin kini dianggarkan mencecah RM500,000 seunit dan ini memberi galakan kepada pelombong haram. Melihat kepada angka ini, kita perlu lipat gandakan usaha dan penguatkuasaan kerana kegiatan ini tidak menunjukkan tanda-tanda akan berhenti malah semakin berani dan berleluasa."

"Sepanjang tahun 2023 hingga 2024 sahaja,

kita merekodkan 2,399 kes. Manakala bagi Januari hingga Jun tahun ini, terdapat kira-kira 1,800 kes," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyertai operasi khas membanteras perlombongan bitcoin haram di tujuh premis sekitar Alor Setar, semalam.

Operasi itu turut membabitkan pegawai Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan polis.

Akmal berkata, antara premis yang diserbu termasuk lokasi yang beberapa kali dikebakkan

tindakan, tetapi kembali beroperasi.

"Premis kedua sudah diserbu sembilan kali oleh Suruhanjaya Tenaga dan TNB. Kali terakhir adalah pada Mei lalu, dan hari ini ia kembali beroperasi," katanya.

Mengulas lanjut, Akmal berkata, sikap pelombong haram yang tidak gentar dengan tindakan penguat kuasa membuktikan bahawa undang-undang sedia ada perlu disokong dengan tindakan lebih tegas.

"Mereka tidak hanya menanggung risiko kewangan apabila mesin dirampas, tetapi juga berdepan risiko besar seperti kebakaran serta membahayakan keselamatan awam," katanya.

Harga bitcoin kini
dianggarkan
mencecah
RM500,000 seunit